



LAPORAN ANALISA RESPON AWAM BAJET 2023

Disediakan Oleh Unit Bajet Jabatan Perbendaharaan
Dibentang Oleh En. Shaiful Rizza Bin Hj. Piamin *P.P.T., C.A.(M)*


Pengenalan

- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan yang penting dalam pembangunan bandar. Pemandaran dan pembangunan yang berlaku secara serentak dan drastik menjadi cabaran kepada PBT dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan.
- Penilaian terhadap perkhidmatan dan kemudahan PBT dapat membantu pihak kerajaan di peringkat tempatan dalam merancang, mengurus serta menyelenggara perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk mewujudkan pembangunan ekonomi setempat.

Pengenalan

- Sejar dengan sasaran kerja Jabatan Perbendaharaan, menjelang pembikinan Bajet 2023 satu kaji selidik telah dijalankan bermula **4 Februari sehingga 17 Februari 2022**. Fokus utama kajian adalah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai keutamaan perkhidmatan yang diperlukan serta isu dan permasalahan yang dihadapi oleh warga Hulu Selangor.
- Kaji selidik yang telah dijalankan selama dua minggu dibuat secara atas talian **menggunakan google form** dan disebar secara meluas di laman-laman sosial seperti di **laman facebook rasmi MPHS serta beberapa page facebook komuniti Hulu Selangor** bagi mendapatkan maklumbalas yang pelbagai dan menyeluruh. Selain itu, pautan kaji selidik juga telah banyak disebar melalui kumpulan aplikasi *whatapps* kejiranan serta kenalan.
- Hasil dapatan dan rumusan kaji selidik ini akan dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi dan seterusnya diedarkan kepada semua pengarah jabatan sebagai **maklumat tambahan dalam penyediaan Bajet MPHS 2023**. Disamping dokumen ini, turut akan dibekalkan juga kepada semua pengarah jabatan beberapa dokumen-dokumen kualiti perancangan seperti **Pelan Strategik, Rancangan Tempatan (RT), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK)** bagi memberikan pandangan dan halatuju yang lebih jelas dalam penyediaan Bajet 2023 kelak. Semoga dengan adanya dokumen-dokumen tambahan, hasil penemuan dan respon bajet melalui dapatan awam ini **dapat membantu pihak pengurusan MPHS dalam menyediakan bajet 2023 yang lebih holistic dan mampan**.

DEMOGRAFIK RESPONDEN




Soal selidik ini berjaya mengumpulkan **95 responden** dimana majoritinya adalah daripada bangsa Melayu manakala baki 4% adalah lain-lain bangsa dan India 3% seterusnya Cina 1%.

Bangsa	Bil
Melayu	92%
Cina	1%
India	3%
Lain-lain	4%

DEMOGRAFIK RESPONDEN


Kawasan

Daripada 95 responden, kawasan dengan kepadatan penduduk yang tinggi memberi respon yang tinggi.



UKURAN TERHADAP KEPENTINGAN PERKHIDMATAN ASAS MPHS

Kami menyenaraikan 7 Perkhidmatan asas MPHS kepada responden dan mereka akan memilih skala yang **paling penting hingga kurang penting** mengikut pilihan mereka




	Total
Sum of Data Invert [Penyelenggaraan Lampu Awam]	407
Sum of Data Invert [Perkhidmatan Khidmat Pelanggan]	260
Sum of Data Invert [Perkhidmatan Kutipan Sampah]	422
Sum of Data Invert [Tahap Penyelesaian Aduan]	344
Sum of Data Invert [Penyelenggaraan Landskap dan Rekreasi]	311
Sum of Data Invert [Perkhidmatan Pembersihan Awam]	422
Sum of Data Invert [Penyelenggaraan Jalan]	494

UKURAN TERHADAP PERKHIDMATAN ASAS MPHS

Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan menjadi perkhidmatan asas MPHS yang mendapat tahap kepentingan yang paling tinggi.


Tiga kawasan yang mementingkan Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan adalah **Batang Kali, Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa.**

Perkhidmatan Penyelenggaraan Jalan



KESUKARAN YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK HULU SELANGOR

Kami menyenaraikan 7 kesukaran yang dihadapi oleh responden dan mereka akan memilih skala yang paling penting hingga kurang penting mengikut pilihan mereka




	Total
Sum of Data Invert [Sewaan Premis / Tapak Perniagaan]	306
Sum of Data Invert [Capaian Internet]	440
Sum of Data Invert [Peluang Pekerjaan]	343
Sum of Data Invert [Isu Sosial / Keselamatan]	404
Sum of DatabInvert [Tempat Riadah]	336
Sum of Data Invert [Pengangkutan Awam]	422
Sum of Data Invert [Isu Kesihatan]	409

KESUKARAN YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK HULU SELANGOR

Dapatan kami menunjukkan bahawa **Capaian Internet** merupakan kesukaran yang mendapat jumlah yang paling tinggi di antara tujuh yang kami senaraikan.


Tiga Kawasan yang menghadapi kesukaran Capaian Internet paling tinggi adalah di **Batang Kali, Serendah, Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa**

Kesukaran Capaian Internet



HARAPAN BELANJAWAN MPHS 2023


Terdapat **83 responden** dari kajian ini menyumbangkan buah fikiran terhadap harapan mereka pada bajet MPHS 2023, analisa keatasnya mendapati seramai **60 responden (72%) telah menggunakan saluran ini untuk membuat aduan** dan hanya **23 responden sahaja (28%) memberikan harapan** mereka terdapat cadangan belanjawan MPHS.



HARAPAN BELANJAWAN MPHS 2023

Dari 60 responden yang menyalurkan aduan diatas telah mengutarakan sebanyak 72 aduan kepada MPHS yang mana diantaranya adalah seperti berikut:-


- i) 15 responden (21%) aduan mengkehendaki pembaikan infrastruktur jalan
- ii) 14 responden (20%) aduan mengutarakan membina tempat riadah yang berkualiti
- iii) 10 responden (14%) mengesyorkan bangunan baru bagi aktiviti ekonomi seperti kompleks membeli belah, institusi perbankan.



SUMBER DARIPADA FACEBOOK

Terdapat 90 orang responden daripada dua sumber iaitu **Facebook Korporat MPHS** dan page **MyHuluSelangor**.

Statistik menunjukkan jumlah responden yang meletakkan **harapan terhadap MPHS sebanyak 94.44 peratus** manakala **5.56 peratus lebih menjurus kepada aduan awam**.



SUMBER FB	BILANGAN
ADUAN	5
HARAPAN	85

SUMBER DARIPADA FACEBOOK

ADUAN


Analisa terhadap 5.56 peratus responden merangkumi pelbagai iaitu capaian internet, pengangkutan awam, isu sosial dan keselamatan, tempat riadah serta sewaan premis/tapak perniagaan masing-masing mewakili 20 peratus daripada aduan

KOD	KRITERIA	BILANGAN	PERATUSAN
A	CAPAIAN INTERNET	1	20%
B	PENGANGKUTAN AWAM	1	20%
D	ISU SOSIAL / KESELAMATAN	1	20%
F	TEMPAT RIADAH	1	20%
G	SEWAAN PREMIS / TAPAK PERNIAGAAN	1	20%

SUMBER DARIPADA FACEBOOK

HARAPAN


Manakala, 94.44 peratus pula menzahirkan harapan agar pihak Majlis dapat memperbaiki mutu perkhidmatan yang diberikan. Walaubagaimanapun harapan bagi perkhidmatan lain-lain agensi menunjukkan peratusan tertinggi seperti kemudahan hospital ,perbankan,restoran makanan segera, pusat membeli belah dan lain-lain. Namun harapan tertinggi terhadap MPHS adalah untuk memperbaiki penyelenggaraan jalan(27%) dan penyelenggaraan lampu awam (15%)



KOD	KRITERIA	BILANGAN
1	PENYELENGARAAN JALAN	23
2	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM	3
3	PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH	3
4	PENYELENGARAAN LAMPU AWAM	13
5	TAHAP PENYELESAIAN ADUAN	9
6	PENYELENGARAAN LANDSKAP DAN REKREASI	6
8	LAIN-LAIN	28

SUMBER DARIPADA RESPONDEN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN ASAS MPHS

Bagi pecahan responden melalui kaji selidik response bajet yang dijalankan secara atas talian pada 4-17 Februari 2022 menunjukkan 18.95 peratus responden menzahirkan harapan manakala 21.05 peratus menjurus kepada aduan awam. Manakala 60 peratus tidak memberi sebarang maklum balas




SUMBER DARIPADA PERKHIDMATAN	BIL
ADUAN	20
HARAPAN	18
TIADA RESPONSE	57

SUMBER DARIPADA RESPONDEN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN ASAS MPHS

ADUAN

Aduan menunjukkan peratusan yang sama bagi capaian internet, isu kesihatan dan tempat riadah sebanyak 20 peratus. Manakala hanya 5 peratus sahaja yang melibatkan isu sosial / keselamatan




KOD	KRITERIA	BILANGAN
A	CAPAIAN INTERNET	4
B	PENGANGKUTAN AWAM	2
C	ISU KESIHATAN	4
D	ISU SOSIAL / KESELAMATAN	1
F	TEMPAT RIADAH	4
G	SEWAAN PREMIS / TAPAK PERNIAGAAN	3
H	LAIN-LAIN	2

SUMBER DARIPADA RESPONDEN KEPENTINGAN PERKHIDMATAN ASAS MPHS

HARAPAN


Responden berharap bahawa Tahap Penyelesaian Aduan di MPHS akan bertambah baik dengan ia menerima harapan sebanyak 28%, ini lebih tinggi daripada harapan responden yang lain.



KOD	KRITERIA	BILANGAN
1	PENYELENGARAAN JALAN	2
2	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM	2
3	PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH	1
5	TAHAP PENYELESAIAN ADUAN	5
6	PENYELENGARAAN LANDSKAP DAN REKREASI	2
7	PPERKHIDMATAN KHIDMAT PELANGGAN	3
8	LAIN-LAIN	3

SUMBER DARIPADA RESPONDEN TAHAP KESUKARAN YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK HULU SELANGOR

Bagi pecahan responden melalui kaji selidik response budget yang dijalankan secara atas talian pada 4-17 Februari 2022 menunjukkan 18.95 peratus responden menzahirkan harapan manakala 21.05 peratus menjurus kepada aduan awam. Manakala 60 peratus tidak memberi sebarang maklum balas



SUMBER DARIPADA KESUKARAN	BILANGAN
ADUAN	3
HARAPAN	20
TIADA RESPONSE	72

SUMBER DARIPADA RESPONDEN TAHAP KESUKARAN YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK HULU SELANGOR

ADUAN


Terdapat 3 aduan yang diutarakan oleh responden daripada tahap kesukaran yang dihadapi oleh penduduk Hulu Selangor iaitu:

KOD	KRITERIA	BILANGAN
A	CAPAIAN INTERNET	1
C	ISU KESIHATAN	1
E	PELUANG PEKERJAAN	1

SUMBER DARIPADA RESPONDEN TAHAP KESUKARAN YANG DIHADAPI OLEH PENDUDUK HULU SELANGOR

HARAPAN

70% daripada harapan responden adalah berkaitan dengan agensi lain dan harapan ini akan dipanjangkan kepada agensi-agensi yang berkaitan.




KOD	KRITERIA	BILANGAN
1	PENYELENGARAAN JALAN	3
5	TAHAP PENYELESAIAN ADUAN	1
7	PPERKHIDMATAN KHIDMAT PELANGGAN	2
8	LAIN-LAIN	14

Antara harapan yang melibatkan agensi-agensi lain:

Melayu	Batang Kali	Rumah kediaman selangorku
Melayu	Batang Kali	Tiada perkhidmatan bank
Melayu	Bukit Sentosa	Bank
Melayu	Hulu Bernam	Makanan sihat di sekolah
Melayu	Hulu Yam	Tiada mall, tiada panggung wayang, tiada mcdonalds
Melayu	Kalumpang	Shopping Complex


ADUAN MPHS BAGI TAHUN 2021



ADUAN	Jumlah
BONGGOL	2%
LONGKANG	18%
JALAN	11%
LAMPU	15%
PAPAN TANDA	1%
HAKISAN/RUNTUHAN TANAH	2%
PERALATAN ROSAK-MPHS	0.50%
BANJIR	1%
ADUAN PELBAGAI	4%
CANTASAN/PENEBANGAN POKOK	36%
TANAMAN TERBIAR	0.50%
POKOK TUMBANG	3%
SEMAK SAMUN	7%

Analisa Peruntukan Bajet Keatas Aduan

PERKHIDMATAN CANTASAN POKOK




Cantasan pokok juga merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh MPHS. Malah, pihak jabatan sering menerima aduan berkaitan cantasan pokok. Bagi tahun 2020 jumlah yang dibajetkan bagi perkhidmatan cantasan pokok adalah sebanyak RM3,215,254 dan berlaku **peningkatan 14% pada tahun 2021 kepada RM3,760,077**. Begitu juga pada tahun 2022, bajet bagi perkhidmatan ini turut menunjukkan **peningkatan sebanyak 5.8% kepada RM3,978,095**.

	2020	2021	2022
PERKHIDMATAN CANTASAN POKOK	3,215,254.00	3,760,077.00	3,978,095.99

ANALISA PERUNTUKAN BAJET KEATAS PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN



Berdasarkan rajah, terdapat 4 fokus bagi perkhidmatan yang perlu diutamakan iaitu Penyelenggaraan jalan, Perkhidmatan Pembersihan Awam, Perkhidmatan Kutipan Sampah dan juga Penyelenggaraan Lampu Awam. Bagi tahun 2020, jumlah yang telah dibajetkan bagi setiap kategori perkhidmatan adalah masing-masing sebanyak RM2,926,000, RM16,364,999, RM12,226,073 dan RM4,340,000.

Tiga kategori perkhidmatan telah menunjukkan peningkatan pada setiap bajet tahunan dari tahun 2020 sehingga 2022 iaitu Penyelenggaraan Jalan, Perkhidmatan Kutipan Sampah dan Penyelenggaraan Lampu Awam masing-masing sebanyak RM154,000 (5.26%) bagi Penyelenggaraan Jalan, RM1,180,463 (9.66%) bagi Perkhidmatan Kutipan Sampah dan RM360,000 (8.29%) bagi Penyelenggaraan Lampu Awam . Walaupun berlaku peningkatan pada setiap tahun, ia bukanlah peningkatan yang ketara.

Bagi Perkhidmatan Pembersihan Awam pula, terdapat peningkatan sebanyak RM1,145,704 iaitu peningkatan sebanyak 7.3% bagi bajet tahun 2022 berbanding 2021.

	2020	2021	2022
JALAN	2,926,000.00	2,968,000.00	3,080,000.00
PEMBERSIHAN AWAM	16,364,999.96	15,668,999.96	16,814,704.84
SAMPAH	12,226,073.00	12,927,828.00	13,406,536.76
LAMPU	4,340,000.00	4,400,000.00	4,700,000.00